

05/06/2001

Sambutan Maulidur Rasul di seluruh negara

KUALA LUMPUR, Isnin - Umat Islam di seluruh negara hari ini meraikan sambutan Maulidur Rasul 1422 Hijrah bagi memperingati kelahiran Nabi Muhammad.

Sambutan peringkat Kebangsaan diadakan di Stadium Putra Bukit Jalil dekat sini dan dirasmikan oleh Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.

Turut hadir, Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Siti Aishah; Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan isteri Datin Seri Endon Mahmood.

Sambutan bertemakan 'Perpaduan Pemangkin Pembangunan Ummah', dimulakan dengan perarakan Maulidur Rasul pada jam 8 pagi dari Stadium Hoki Bukit Jalil ke Stadium Putra, diketuai Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin dan diiringi beberapa menteri Kabinet.

Di SEREMBAN, kira-kira 3,000 umat Islam menyertai sambutan peringkat negeri yang dirasmikan Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan Tuanku Ja'afar di Padang Majlis Perbandaran Seremban (MPS).

Sewaktu bertitah, baginda mengingatkan umat Islam menjauhi sifat buruk yang boleh membawa permusuhan dan persengketaan sesama sendiri.

Turut hadir, Menteri Besar, Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad serta anggota Exco kerajaan negeri.

Di MELAKA, lebih 4,000 umat Islam menyertai perarakan yang diketuai Yang Dipertua Negeri Tun Syed Ahmad Shahabudin.

Perarakan sejauh tiga kilometer itu bermula dari Sekolah Sultan Muhammad di Batu Berendam dan berakhir di Kompleks Al-Azim, Bukit Palah. Turut hadir, Ketua Menteri Datuk Wira Mohd Ali Rustam serta anggota Exco kerajaan negeri.

Di JOHOR, Sultan Johor dalam titah ucapan sempena sambutan Maulidur Rasul peringkat negeri di Masjid Sultan Abu Bakar, mahu umat Islam mendalami dan mengamalkan ajaran Islam supaya boleh hidup bahagia di dunia dan akhirat.

Baginda juga mahu umat Islam terus berusaha mempelajari, mendalami dan mengamalkan ajaran Islam yang diwariskan oleh pemimpin ummah, iaitu Rasulullah.

Kira-kira 2,500 orang menghadiri sambutan berkenaan. Turut hadir, Tunku Mahkota Johor, Tunku Bendahara, kerabat diraja, Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman dan anggota Exco Kerajaan Negeri.

Di IPOH, Sultan Perak Sultan Azlan Shah, Raja Permaisuri Tuanku Bainun, Raja Muda Raja Nazrin Shah dan Menteri Besar Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali menyertai sambutan itu di Stadium Indera Mulia bersama kira-kira 2,000 umat Islam.

Majlis dimulakan dengan bacaan ayat suci al-Quran oleh Johan Qari Tilawah peringkat Antarabangsa 2000, Radzi Kamarul Hailan.

Di ALOR STAR, sambutan peringkat negeri diadakan di Masjid Titi Baru, Kepala Batas, malam tadi dan dihadiri Sultan dan Sultanah Kedah, Raja Muda, Menteri Besar, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain serta kira-kira 1,000 rakyat.

Dalam titahnya, Sultan meminta umat Islam berpegang teguh kepada ajaran al-Quran dan sunnah supaya masalah sosial dapat dihindari.

Di KUANTAN, sambutan peringkat negeri diadakan di Dewan Jubli Perak Sultan Haji Ahmad Shah yang dirasmikan Sultan Pahang Sultan Haji Ahmad

Shah dan dihadiri kira-kira 2,000 rakyat.

Dalam titah ucapannya, baginda meminta umat Islam kembali kepada ajaran Islam yang berlandaskan al-Quran dan Sunnah serta mencontohi keperibadian Rasulullah.

Turut hadir, Sultanah Pahang, Sultanah Hajah Kalsom; Tengku Mahkota Pahang Tengku Abdullah dan Menteri Besar Datuk Seri Adnan Yaakob.

Di KUALA TERENGGANU, Sultan Terengganu, Sultan Mizan Zainal Abidin bertitah mesej ketuhanan atau akidah Islamiah dapat mengelak perpecahan dan mewujudkan perpaduan umat Islam.

Sambutan itu dihadiri 1,000 umat Islam. Turut hadir, Menteri Besar Abdul Hadi Awang.

Di KOTA BHARU, semua masjid mengadakan solat hajat diikuti majlis tahlil, malam tadi.

Beberapa masjid pula mengadakan ceramah agama yang disampaikan penceramah jemputan bagi mengingatkan sejarah kegemilangan Islam pada zaman Rasulullah.

Yang Dipertua Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (Maik), Datuk Wan Mohamad Wan Konok, berkata RM50,000 diperuntukkan bagi sambutan Maulidur Rasul peringkat jajahan.

Di SARAWAK, sambutan Maulidur Rasul peringkat negeri diadakan di Bintulu yang disertai lebih 3,000 umat Islam.

Dalam ucapannya, Yang Dipertua Negeri Tun Abang Muhammad Salahuddin meminta rakyat pelbagai kaum mengekalkan perpaduan bagi menjamin kesinambungan pembangunan ekonomi negeri.

Ketua Menteri Tan Sri Abdul Taib Mahmud pula meminta umat Islam melupakan segala pergeseran kerana ia merugikan umat Islam sendiri.

Di KOTA KINABALU, kira-kira 5,000 umat Islam berarak dari Padang Merdeka ke bangunan Wisma Muis sejauh tiga kilometer. Perarakan itu diketuai Yang di-Pertua Negeri, Tun Sakaran Dandai.

Anugerah Maulidur Rasul turut disampaikan kepada beberapa individu termasuk jurugambar Berita Harian, Datu Ruslan Sulai.

Di LABUAN, lebih 5,000 umat Islam mewakili 66 kontinjen berarak mengelilingi bandar Labuan ke Masjid An-Nur.

Pada majlis itu, tiga penerima Anugerah Maulidur Rasul menerima wang tunai RM2,000 dan sijil penghargaan daripada Ahli Parlimen Labuan, Datuk Suhaili Abdul Rahman.

(END)